

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO. 06

Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan rasionalnya pemegang kad OKU yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat perlu memperbaharui kad mereka setiap tahun bagi membolehkan mereka untuk mendapatkan bantuan secara bulanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DR. LEE BOON CHYE
[GOPENG]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN NO. 20

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan permohonan pendaftaran sebagai OKU dan bilangan kelulusan setiap tahun mulai tahun 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan daripada **YB Sekijang** bersekali dengan pertanyaan **YB Gopeng** bertarikh hari ini, kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut saling berkait dan merujuk kepada isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua,

Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) adalah tertakluk kepada **Akta OKU 2008 [Akta 685]** dan ia dilakukan secara sukarela atas dasar tanggungjawab sosial.

Berhubung pertanyaan daripada YB Sekijang, tiada keperluan untuk pemegang kad Orang Kurang Upaya (OKU) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memperbaharui kad mereka setiap tahun bagi membolehkan mereka mendapatkan bantuan kewangan secara bulanan. Pembaharuan kad OKU hanya perlu dilakukan sekiranya terdapat **perubahan kategori atau sub-kategori OKU**. Pemegang kad juga **boleh membuat penukaran kad sekiranya ingin menukar alamat atau gambar terkini**.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Gopeng, mengikut statistik Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), **sehingga 30 September 2021, sejumlah 582,944 OKU** telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Secara keseluruhannya, dari tahun 2018 hingga 13 Oktober 2021, sejumlah **163,647 permohonan pendaftaran OKU telah diterima dan 153,627 telah diluluskan permohonan**. Kerajaan telah menyediakan pelbagai bantuan dan kemudahan bagi OKU yang berdaftar dan menepati syarat-syarat bantuan dan perkhidmatan yang ditawarkan.

SOALAN NO. : 6, 20

Sehingga Ogos 2021, seramai 92,265 OKU yang bekerja dengan pendapatan RM1,500 dan ke bawah telah menerima Elaun Pekerja OKU (EPOKU) sebanyak RM450.00 sebulan dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM329.6 juta.

Manakala seramai 83,929 OKU yang tidak bekerja telah menerima Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) sebanyak RM300.00 sebulan dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM202.5 juta.

Selain itu, seramai 25,835 penjaga OKU atau pesakit terlantar telah menerima Bantuan Penjagaan OKU/Pesakit Kronik Terlantar (BPT) sebanyak RM500.00 sebulan dengan jumlah keseluruhannya sebanyak RM106.8 juta.

Ini bermaksud seramai **202,029 OKU** iaitu **hampir 35% OKU yang berdaftar atau penjaganya telah menerima bantuan JKM berjumlah RM638.9 juta** sehingga **Ogos 2021**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik kes keganasan domestik dan kes perceraian yang dilaporkan di Sarawak sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan apakah tindakan atau sokongan kementerian dalam membantu dan menyelamatkan mangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan **statistik Talian Kasih 15999**, sebanyak **31 aduan** telah diterima berkaitan keganasan rumah tangga dari tahun 2020 hingga September 2021 bagi **negeri Sarawak**. Manakala **statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM)** pula menunjukkan sebanyak **1,017 kes** telah dilaporkan dari tahun **2020 hingga Julai 2021 di Sarawak**.

Isu atau perkara berkaitan kes perceraian berada di bawah bidang kuasa **Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)** bagi **pasangan Islam**. **Statistik JKSM** menunjukkan bahawa sebanyak **3,582 kes perceraian pasangan Islam di negeri Sarawak** telah difailkan bagi dari **Mac 2020 hingga September 2021**.

Manakala bagi **pasangan bukan Islam** pula adalah di bawah bidang kuasa **Mahkamah Persekutuan Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)**. **Statistik daripada Mahkamah Persekutuan Malaysia** menunjukkan sebanyak **2,076 kes perceraian** di negeri **Sarawak** telah difailkan dari **Mac tahun 2020 hingga September 2021**.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa melaksanakan pelbagai inisiatif bagi **membantu mangsa keganasan rumah tangga di samping menangani isu keganasan rumah tangga**. Antaranya adalah seperti berikut:

- a) penubuhan **Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga** untuk memastikan keberkesanan gerak kerja dan pengendalian kes keganasan rumah tangga;
- b) mewujudkan **Pusat Transit Sementara di masjid bagi mangsa keganasan rumah tangga**. KPWKM sedang dalam perbincangan dengan Jabatan Agama Islam Negeri bagi mewujudkan **Pusat Transit Sementara di masjid di seluruh negara**;
- c) **Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Bergerak** telah **ditubuhkan** sebagai pusat rujukan khusus untuk mengemukakan pertanyaan atau aduan, memperoleh maklumat dan nasihat,

- mendapatkan perkhidmatan segera seperti kaunseling serta transit sementara;
- d) memastikan bantuan perlindungan iaitu **Tempat Selamat dan Rumah Perlindungan dapat terus diakses** oleh mangsa keganasan rumah tangga. Terdapat **5 Tempat Selamat** yang telah diwartakan di negeri Sarawak;
 - e) JKM sentiasa menguatkuasakan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 supaya perlindungan **dapat terus diakses** oleh mangsa keganasan rumah tangga;
 - f) Bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menyediakan **rawatan di 135 buah One Stop Crisis Center (OSCC) yang beroperasi 24 jam di semua Jabatan Kecemasan hospital kerajaan**;
 - g) **Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK)** menyediakan perkhidmatan perlindungan kanak-kanak;
 - h) meningkatkan **program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti** menerusi Skwad Wanita Anti Jenayah (**Skuad WAJA**). Sehingga **5 November 2021**, seramai **83,982 sukarelawan yang telah berdaftar**; dan
 - i) melaksanakan **program pendidikan kekeluargaan di bawah Akademi Keluarga Sejahtera (AKS)** secara berterusan untuk menerapkan nilai kekeluargaan dalam usaha membina keluarga sejahtera.
 - j) Selain itu, KPWKM melalui Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menyediakan Perkhidmatan Tele-Kaunseling dan E-Kaunseling secara dalam talian melalui *Toll Free Helpline FamilyCare @ LPPKN 1-800-82-0300*. Perkhidmatan ini adalah bagi memudahkan pasangan yang mengalami isu-isu berkaitan Keluarga dan Perkahwinan.

Secara keseluruhannya, Kementerian ini berharap agar semua inisiatif dan tindakan yang dilaksanakan secara bersepadu ini dapat membantu menangani isu keganasan rumah tangga.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

**Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan :-**

- (a) langkah Kementerian dalam mewujudkan pelbagai program peluang pekerjaan khususnya dari kalangan ibu tunggal dan ibu tunggal yang hilang pekerjaan akibat pandemik dan nyatakan peratusan yang berjaya kembali bekerja pada masa kini mengikut negeri; dan
- (b) bagaimanakah cara pihak Kementerian mengukur keberkesanan program dan memastikan kumpulan sasaran ini mendapat akses yang baik kepada program-program tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat prihatin dan komited untuk menjaga kebajikan wanita terutamanya wanita B40 termasuklah mereka yang bergelar ibu tunggal dan ibu tunggal, lebih-lebih lagi apabila isi rumah diketuai oleh wanita yang terkesan dari segi sosial dan ekonomi akibat pandemik COVID-19. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Negara 2019, jumlah Ketua Isi Rumah Wanita adalah 1.2 juta orang.

Untuk makluman, soal selidik yang dijalankan oleh Jabatan Pembangunan Wanita bermula 29 Jun 2021 sehingga 5 Julai 2021 yang melibatkan 23,634 responden ibu tunggal mendapati bahawa 43 peratus telah hilang pekerjaan manakala 92 peratus mempunyai pendapatan di bawah Paras Garis Kemiskinan (RM2,208) kesan daripada pandemik ini.

Bagi membantu golongan ini, Kementerian telah menyediakan program pembangunan kapasiti serta penyediaan ruang dan peluang supaya wanita-wanita ini dapat menjana pendapatan bagi memperbaiki taraf hidup mereka. Antara program penjana pendapatan untuk membantu ekonomi wanita seperti berikut:

1. **Program Wanita Bangkit (Program yang menyediakan peluang pekerjaan dan penjana pendapatan)**
Sasaran : 2,000 orang
Pencapaian : **1,744 peserta** wanita telah mendapat pekerjaan*

2. **Program Bantuan MyKasih Kapital:**
Pencapaian : **2,000 peserta***
(menerima insentif RM500 seorang dan melibatkan peruntukan sebanyak **RM1,000,000.00**).

**Statistik yang disediakan adalah sehingga 8 November 2021*

3. **Kolaborasi Strategik JPW dengan pelbagai pihak seperti TalentCorp dan PERKESO (menyediakan peluang pekerjaan kepada wanita)**
- a. Program Karnival Kerjaya dan Usahawan Wanita:
- Jumlah program telah dilaksanakan : 13 program
 - Jumlah majikan yang terlibat : 189 majikan
 - Jumlah pekerjaan yang ditawarkan : 16,751 tawaran
 - Jumlah peserta berjaya mendapatkan pekerjaan: **469 wanita***
- b. Jumlah wanita yang berjaya kembali bekerja di bawah Program bersama PERKESO: **183,463 orang wanita***
4. **Industri Penjagaan Postnatal (Ibu Selepas Bersalin)**
- a. **Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Mamacare** ialah Program Penjagaan Ibu Selepas Bersalin Tradisional Melayu yang dipermodenkan.
- b. Jumlah Pengamal Mamacare yang telah dilatih : **1,431 orang***
5. **Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak PERMATA**
Pada tahun 2020, seramai **180 orang peserta** telah mengikuti kursus secara PERCUMA tersebut dan program ini turut diadakan pada tahun 2021.
6. **Kolaborasi Strategik bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC)**
JPW telah melaksanakan program penjana pendapatan wanita melalui keusahawanan menerusi program kolaborasi strategik KPWK dan MEDAC seperti ketetapan berikut:
- a. TEKUN : Program Bantuan Pembiayaan Berkelompok TemanNita - **793 peserta** telah menerima pembiayaan
- b. Perbadanan Nasional (PNS): Sebuah program keusahawanan berkonsepkan Francais - **214 peserta** mengikuti Program SWEET
- c. INSKEN: Program INSKEN Bumiputera *Business Coaching* (IBBC)- **3,418 permohonan** telah diterima

**Statistik yang disediakan adalah sehingga 8 November 2021*

7. 2 Years Exit Programme (YEP)

- a. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Pelan Transformasi JKM telah memberi fokus dan penekanan kepada usaha ke arah pendayaupayaan klien khususnya penerima bantuan melalui pelaksanaan *productive welfare* dan program “2 Years Exit Programme” dibangunkan.
- b. Jumlah peserta program 2 YEP : **214 orang***

8. Bantuan Khas Ibu Tunggal (BKIT)

Jumlah penerima : 150,000 orang ibu tunggal

Jumlah bantuan : RM300.00 (seorang-bantuan secara *one-off*)

9. Flexible Working Arrangement

Kementerian ini juga turut menyokong penuh pelaksanaan ***Flexible Working Arrangement*** dan penyediaan **taska di tempat kerja** untuk menggalakkan wanita bekerja dan pada masa yang sama mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif.

Berkenaan dengan kaedah bagi mengkaji keberkesanan program, pada ketika ini, Kementerian masih mengumpul data peratusan wanita yang terlibat manakala keberkesanannya akan dinilai kemudian memandangkan kebanyakan program adalah inisiatif baharu Kementerian.

Sekian, terima kasih.

**Statistik yang disediakan adalah sehingga 8 November 2021*